

# Autonomi sekolah patut diperhalusi



**NOOR SHAKIL  
HAMEED**

bhnews@bharian.  
com.my

Awal tahun ini Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menganugerahkan status autonomi kepada lima institusi pengajian tinggi awam (IPTA) iaitu, Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin ketika mengumumkan perkara ini, berkata penganugerahan status ini membolehkan pusat pengajian membuat perancangan sendiri dalam usaha menjadi institusi bertaraf antarabangsa dan mewujudkan persekitaran kampus yang dinamik melalui pengurusan lebih berdaya saing, kreatif dan anjal.

Menariknya, baru-baru ini sudah ada pihak memohon sekolah juga diberi status autonomi. Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) yang mengemukakan cadangan itu berpendapat sudah tiba masa autonomi diberi kepada sekolah secara berperingkat melalui transformasi sistem pendidikan yang dirangka Kementerian Pelajaran.

## Sekolah gred A jadi perintis

Menurut Presiden KGMMB, Mohamed Sabri Mohd Arsad, kuasa autonomi mampu memperkasa sekolah dan menambah baik sistem pendidikan. Kuasa autonomi dicadangkan ialah jadual waktu subjek, pemilihan kemasukan pelajar, pengurusan kewangan, pengurusan fizikal premis dan pengurusan pelajar.

Bagi pengurusan kewangan, dicadangkan pentadbir sekolah diberi kuasa membuat keputusan berbelanja dan memindahkan tidak lebih 30 peratus dana suatu subjek.

Bagi pengurusan fizikal premis dicadangkan peruntukan disalurkan terus kepada sekolah bagi memudahkan arahan pelbagai kerja membaik pulih untuk kontraktor. Bagi pengurusan pelajar pula, sekolah menguruskan sendiri disiplin dan kebajikan pelajar.

Untuk memilih kemasukan pelajar pula, dicadangkan pengambilan 10 peratus pelajar terutama di sekolah menengah dipilih sekolah bagi memacu kecemerlangan dan kuasa autonomi dalam menentukan jumlah waktu pengajaran dan pembelajaran (P&P) diberi kuasa untuk sekolah menetapkan jadual waktu mengikut keperluan sebenar pelajar.

Kata Mohamed Sabri, pelaksanaan kuasa autonomi perlu dimulakan di sekolah gred A, iaitu yang mempunyai lebih 2,000 murid berikutan kecemerlangan pentadbiran supaya menjadi model apabila diperluaskan kepada sekolah lain.

Ringkasnya ia cadangan yang cukup menarik untuk diteliti dan diperhalusi semua pihak terutama Kementerian Pelajaran. Sewajarnya cadangan ini dibincang dan diperimbang dalam sesi Dialog Nasional Pendidikan Negara (DNPN) sempena kajian semula sistem pendidikan negara secara menyeluruh.

Sekolah terpilih wajar diaudit oleh pasukan audit bertauliah berdasarkan instrumen yang dirangka khusus supaya dapat memberikan gambaran menyeluruh terhadap tahap kesediaan pihak sekolah dalam aspek yang hendak diberi autonomi.



## Penulis

ialah Ketua Bahagian Perancangan Korporat UPM Serdang